

PETALING JAYA, 27 JULAI (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGGATKAN PARA PENTADBIR SEKTOR AWAM SUPAYA BERHATI-HATI DALAM MENGGUNAKAN KONSEP-KONSEP DAN PIAWAIAN PEMBANGUNAN YANG UMUM DIGUNAKAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

INI TALAH KERANA MEREKA JUGA TERPAKSA MENGEKALKAN KEBUDAYAAN DAN IDENTITI BANGSA DI SAMPING MENGEJAR KEMAJUAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN NEGARA. KATANYA DI PERASMIAN SEMINAR "SISTEM-SISTEM PENERANGAN DALAM PENTADBIRAN AWAM" DI SINI.

UCAPANNYA TELAH DIBACAKAN OLEH TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK LEW SIF HON.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH, SETAKAT INI PENTADBIR-PENTADBIR AWAM MALAYSIA TELAH DAPAT MEMAINKAN PERANAN ITU DENGAN BERKESAN MELALUI SATU STRUKTUR PENTADBIRAN AWAM YANG DISUSUN RAPI.

KATANYA, KERAJAAN SENTIASA BERUSAHA MENDAPATKAN CARA YANG MENYELURUH DAN BERKESAN BAGI MENENTUKAN IA DAPAT MENGIKUTI PERKEMBANGAN DI BIDANG KESIHATAN, PELAJARAN DAN KEBAJIKAN.

BELIAU MENAMBAH, OLEH ITU PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN PIAWAIAN ANTARABANGSA YANG MODEN ADALAH DIGALAKKAN.

—BERSAMBUNG HM 1750

cc

B622

MAHATHIR -PEMBANGUNAN 2 PETALING JAYA

BELIAU BERKATA, UNTUK MENJAMIN PERSESUAIANNYA DENGAN KEADAAN NEGARA, ANALISA YANG MENDALAM SEPERTI YANG DILAKUKAN DALAM SEMINAR TERSEBUT ADALAH DIRASAKAN SANGAT PERLU DAN BERFAEDAH UNTUK PENTADBIR-PENTADBIR AWAM SEMUA.

"PADA TAHUN 1977, TERDAPAT 50 KOMPUTER DIGUNAKAN DI NEGARA KITA INI DAN DARI JUMLAH TERSEBUT 36 DARIPADANYA ADALAH DIGUNAKAN DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN CERTA INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI YANG DIBANTU OLEH KERAJAAN" TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, INI MEMBUKTIKAN BAHAWA KERAJAAN MALAYSIA ADALAH MENJADI PENGANJUR ATAU "KADAR" DI BIDANG PENGGUNAAN TEKNOLOGI TERSEBUT.

KATANYA, MUNGKIN KINI TELAH TIBA PULA KETIKANYA UNTUK PEN-PENTADBIR-PENTADBIR SEKTOR AWAM MENOLEH SEJENAK UNTUK MEMERHATIKAN KESAN-KESAN DARIPADA PERKEMBANGAN TEKNOLOGI TERHADAP INFRASTRUKTUR PENTADBIRAN NEGARA KITA.

MALAYSIA PATUT BERBANGGA KERANA TERNYATA NEGARA INI MEMPUYAI TENAGA-TENAGA BIJAK PANDAI YANG MAMPU UNTUK MENGANALISA DAN MEMILIH TEKNOLOGI YANG PALING SESUAI UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA, TAMBAHNYA.

"TETAPI TIDAKLAH WAJAR UNTUK KITA BERPUASHATI PULA, KERANA TUGAS DI HADAPAN KITA MASIH BERAT DAN PENUH DENGAN BERBAGAI CABARAN YANG MEMERLUKAN KETABAHAN DAN KESUNGGUHAN DARI SETIAP ANGGOTA BENTENG PENTADBIRAN NEGARA, SEKIRANYA KITA INGIN MENGEKALKAN KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI SETAKAT INI," KATA BELIAU.

—BERSAMBUNG HM 1750

0623

MAHATHIR-PEMBANGUNAN 3 PETALING JAYA

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGINGATKAN BAHAWA SETIAP PENGGUNAAN TEKNOLOGI BARU TIDAK SEHARUSNYA MENGENGENEPIKAN LANGSUNG KE-ADAAN SEKITAR MASYARAKAT DI MANA TEKNOLOGI ITU DIGUNAKAN.

KATANYA, LANTARAN ITU SUDAH SEWAJARNYA BAGI PARA PESERTA SEMINAR MEMBINCANGKAN SECARA MENDALAM MENGENAI PENGGUNAAN TEKNOLOGI MEMPROSES DATA ELEKTRONIK KHASNYA MENGENAI GARIS-GARIS PANDUAN DASAR NEGARA BAGI MENTADBIRKAN DAN MENYEDIAKAN TENAGA-TENAGA PENERAK DARI MALAYSIA SENDIRI UNTUK MENENTUKAN BAHAWA PENGGUNAAN TEKNOLOGI TERSEBUT BENAR-BENAR MENCAPAI MATLAMATNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TELAH MENJALANKAN PERHUBUNGAN YANG ERAT DENGAN KERAJAAN ASING SERTA AGENSI-AGENSI ANTARABANGSA BAGI MENJAYAKAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI DAN DIHARAP SEMINAR TERSEBUT AKAN MEMBANTU KEARAH PENCAPAIAN MATLAMAT TERSEBUT.

—BERNAMA HM 1802